

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
TARIKH : 31.07.2017
SOALAN : NO. 79

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah status terkini Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian (HUSM). Adakah ia sebuah hospital Kerajaan atau swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian (HUSM) merupakan sebuah Hospital Pengajar Universiti (HPU) yang ditubuhkan di bawah Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Ia ditubuhkan dibawah perlembagaan universiti dan menerima pakai pekeliling Kerajaan tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

Antara fungsi HUSM termasuk memberi perkhidmatan perubatan sepertimana fungsi sebuah hospital kerajaan atau swasta yang lain kepada masyarakat setempat. Sebagai sebuah HPU, HUSM merupakan makmal pembelajaran bagi pelajar perubatan dan program yang berkaitan. Selain itu, HPU juga diiktiraf sebagai Hospital Latihan Siswazah bagi tujuan latihan Pegawai Perubatan Siswazah KKM.